

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAJI ABD. MUTALIP BIN ABD. RAHIM (LAYANG-LAYANG)
SOALAN 15 (A61)**

Kawasan DUN Layang-layang memerlukan penambahbaikan sistem perparitan secara menyeluruh kerana apabila berlakunya hujan kilat, kawasan yang terjejas kebanyakannya akan mengalami kerugian di kawasan kebun-kebun dan perumahan mereka. Ini kerana kekerapan berlakunya banjir yang menjejaskan ekonomi rakyat setempat.

JAWAPAN YB TUAN RAVEN KUMAR A/L KRISHNASAMY

Bagi perancangan tahun hadapan, Jabatan Pengairan Dan Saliran Kluang akan melakukan siasatan terperinci bagi mengenalpasti perparitan dan sistem saliran yang tercicir dari diselenggara, menaiktaraf perparitan yang kurang fungsi dan menambahkan kekerapan penyelenggaraan berkala untuk kawasan - kawasan dalam seliaan.

Perancangan jangka masa panjang adalah untuk menggali dan melebarkan Lembangan Sungai yang berhampiran iaitu Sungai Sayong sepanjang 20km yang memerlukan anggaran kos sebanyak RM 1,000,000.00.

Yang Berhormat Datuk Speaker, adalah dimaklumkan bagi kawasan dibawah pentadbiran Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR), pembersihan longkang dijalankan secara berkala oleh Pihak SWM, manakala bagi kerja pembaikan longkang pula dijalankan oleh pihak konsesi Safwa Global Venture Sdn. Bhd bagi jalan-jalan yang telah berdaftar dalam MARRIS. Bagi kawasan hot sport banjir kilat di Kawasan Pekan Renggam mahupun Pekan Layang-Layang ini adalah disebabkan pembangunan landasan berkembar yang sedang dijalankan oleh kontraktor YTL Sdn. Bhd.

Pihak MDSR telah mengeluarkan kerja RM20,000.00 bagi pembersihan parit monsoon yang menghubungkan Taman Layang-Layang ke Sungai Sayong yang disenggara oleh Pihak JPS.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

**YB TUAN EE CHIN LI (TANGKAK)
SOALAN 16 (A103)**

Apakah pandangan dan kemungkinan terhadap penubuhan Suruhanjaya Pihak Berkuasa Tempatan (SPBT) di Johor?

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) merupakan sebuah pertubuhan perbadanan di bawah peruntukan Seksyen 13 Akta 171. Seksyen 13 Akta 171 memperuntukkan bahawa PBT merupakan sebuah badan pertubuhan perbadanan (*corporate body*) yang mempunyai *legal entity* tersendiri.

Memandangkan pegawai dan pekerja PBT merupakan pegawai dan pekerja pertubuhan perbadanan, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atau Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Negeri tidak mempunyai bidang kuasa ke atas pegawai dan pekerja PBT. Hanya jawatan Datuk Bandar, Yang Dipertua dan Setiausaha sahaja yang tertakluk pelantikannya di bawah Kerajaan Negeri sebagaimana Seksyen 2 dan 10 Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Setiap PBT mempunyai kuasa termasuklah pentadbiran pegawai dan pekerja PBT di dalam kawasan pentadbiran masing-masing. Oleh itu, pegawai dan pekerja PBT tidak boleh ditukarkan dari satu PBT ke satu PBT yang lain. Ini kerana setiap PBT merupakan sebuah pertubuhan perbadanan yang mempunyai *legal entity* yang berbeza. Dari segi pentadbiran pegawai dan pekerja PBT pula, Seksyen 16 dan Seksyen 17 Akta 171 memperuntukkan secara khusus kuasa perundangan yang diberikan kepada PBT untuk mengawal selia urusan berhubung pegawai dan pekerja PBT.

Penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pihak Berkuasa Tempatan di setiap negeri memerlukan pindaan Seksyen 13, 16 dan 17 Akta Kerajaan Tempatan 1976 di peringkat parlimen. Beberapa faktor perlu diperhalusi sebagaimana berikut:

- a) Pindaan ke atas Akta 171, Akta Kerajaan Tempatan 1976;
- b) Kesesuaian Undang-undang Tubuh bagi setiap negeri;
- c) Proses dan kesan tukar lantik pegawai PBT sedia ada kepada Suruhanjaya yang akan ditubuhkan;
- d) Isu pembayaran pencen bagi anggota PBT;
- e) Penentuan Ketua Perkhidmatan bagi pegawai PBT;
- f) Isu-isu kemudahan rawatan perubatan pegawai semasa dalam perkhidmatan dan selepas bersara;
- g) Kesan kepada Pihak Berkuasa Tempatan sebagai entiti perbadanan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

Di samping itu, Program Penempatan Silang atau *Cross Fertilization Program* (PCF) telah dilaksanakan dalam sektor awam berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Bil.5 Tahun 2011 di peringkat Persekutuan. Penempatan silang pegawai di bawah PCF ini merupakan salah satu inisiatif strategik kerajaan untuk mentransformasikan sektor awam kepada suatu perkhidmatan yang mengutamakan aspek keberhasilan dan budaya prestasi tinggi.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada 29 Julai 2020 telah menimbangkan Ringkasan Mesyuarat Bil.858/2020 dan telah bersetuju untuk menimbal guna pekeliling tersebut. Selanjutnya, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Johor pada 26 Ogos 2020 juga telah bersetuju supaya pekeliling tersebut dipanjangkan kepada PBT dengan tambahan beberapa perincian supaya pelaksanaan program ini dapat dilaksanakan di PBT.

Program Peningkatan Kerjaya melalui PCF ini telah dilaksanakan untuk semua PBT di Negeri Johor pada awal tahun 2022, bermula dengan Fasa 1 yang melibatkan seramai 23 orang pegawai dari pelbagai gred jawatan di dalam skim perkhidmatan keselamatan/ pertahanan awam, perkeranian/ operasi dan skim perkhidmatan kesihatan awam.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAJI MOHD YUSLA BIN ISMAIL (SENGGARANG)
SOALAN 17 (A160)**

Apakah kaedah/cara bagi mempercepatkan proses dalam membantu golongan kurang berkemampuan menangani masalah membina rumah khususnya bagi mereka yang mengalami bencana seperti kebakaran dan ribut?

JAWAPAN YB PUAN HAJAH KHAIRIN-NISA BINTI ISMAIL @ MD ON

Kerajaan negeri Johor melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri Johor komited dalam membantu mangsa bencana seperti banjir, kebakaran dan ribut. Berdasarkan Arahan Majlis Keselamatan Negara (MKN) No.20 (Semakan Semula): Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara, JKM mempunyai empat (4) peranan dan tanggungjawab utama iaitu:

Menyedia dan menyelenggarakan pusat-pusat pemindahan mangsa-mangsa bencana,

- (i) Menyediakan dan mengedarkan bantuan makanan, pakaian dan lain-lain keperluan asas kepada mangsa-mangsa bencana,
- (ii) Menjalankan pendaftaran mangsa-mangsa bencana bagi maksud Pemulihan,
- (iii) Memberi bimbingan, nasihat/kauseling kepada mangsa-mangsa bencana.

Kerajaan negeri Johor telah meluluskan Bantuan Jangka Panjang yang meliputi batuan membaiki rumah akibat bencana melalui kelulusan dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK) bertarikh 19 Oktober 2017. Bantuan Jangka Panjang ini diberikan mengikut kadar peratus kerosakan yang dikeluarkan oleh Jabatan Bomba dan Penyelamat. Berikut dikemukakan maklumat pecahan penilaian kerosakan beserta jumlah bantuan yang boleh dipertimbangkan berdasarkan siasatan dan penilaian yang akan dilakukan oleh JKM, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Namun, kadar bantuan yang diluluskan adalah tertakluk kepada kelulusan Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah (JKPD).

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

BANTUAN JANGKA PANJANG

PENERIMA	MEMBAIKI RUMAH (RM)			PERALATAN DAPUR (RM) (B)	DANA KHAS (RM) 100% ROSAK (C)	JUMLAH (RM)
	% KEROSAKAN (A)					
	100% (i)	50% (ii)	< 49% (iii)			
RUMAH SENDIRI	3,000.00	1,500.00	500.00	300.00	1,000.00	(A) + (B) + (C) (Salah satu) (Jika A(i))
PENYEWA	Tiada			300.00	1,000.00	(B) + (C) (Jika 100% rosak)
TUAN RUMAH	Kadar Tetap RM500.00/Rumah					500.00

Untuk makluman jua, bantuan ini akan terus dikredit masuk ke akaun penerima bagi mempercepatkan urusan penerimaan bantuan setelah segala dokumen yang diperlukan dikemukakan oleh mangsa yang terlibat dengan bencana. Hal ini adalah bagi memastikan mangsa dapat dibantu dengan kadar segera dan meringankan beban akibat bencana yang berlaku.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

**YB CIK AMIRA AISYA BINTI ABD. AZIZ (PUTERI WANGSA)
SOALAN 18 (A114)**

Mohon EXCO untuk menyatakan sebarang inisiatif untuk memastikan anak berpendidikan khas tidak diabaikan bermula dari peringkat pra sekolah.

JAWAPAN YB CIK NORLIZAH BINTI NOH

Jabatan Pendidikan Negeri Johor sentiasa memastikan kebajikan pendidikan anak-anak Pendidikan Khas tidak dipinggirkan. Setakat kini, terdapat 34 program prasekolah Pendidikan Khas diwujudkan di seluruh negeri Johor dan jumlah ini akan ditambah dari masa ke semasa berdasarkan permintaan dan keperluan.

Semakan peringkat rendah dan menengah pula, terdapat 404 Program Pendidikan Integrasi Pendidikan Khas (PPKI) yang diwujudkan melibatkan 276 buah PPKI Rendah dan 128 PPKI Menengah bagi memastikan anak-anak pendidikan khas mendapat akses pendidikan selaras aspirasi murid dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM 2013-2025).

Bagi memastikan murid-murid pendidikan khas terutama di PPKI Menengah memasuki pasaran kerja, satu program telah diperkenalkan untuk kelayakan mendapat Sijil Kemahiran Malaysia Modular di PPKI. Setakat ini, 56 buah sekolah yang menawarkan PPKI Menengah telah diiktiraf sebagai Pusat Bertauliah Cawangan (PBC) oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran (JPK). Murid-murid Pendidikan Khas ini seterusnya akan menamatkan persekolahan dengan memperoleh Sijil Kemahiran Malaysia dalam bidang-bidang tertentu.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

**YB CIK LIOW CAI TUNG (JOHOR JAYA)
SOALAN 19 (A139)**

Dalam menjayakan Program Johor Bersih, adakah rancangan untuk mewujudkan “Johor Zero Potholes”?

JAWAPAN YB DATO’ HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Secara umumnya, kerajaan Negeri Johor telah melantik syarikat konsesi bagi pengurusan dan penyelenggaraan jalan-jalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negeri Johor. Salah satu kerja utama konsesi ini adalah menjalankan penyelenggaraan rutin iaitu kerja penampalan lubang (pothole).

Syarikat konsesi yang dilantik mensasarkan bahawa potholes ini akan ditampal dalam tempoh kurang dari 24 jam selepas aduan diterima. Dalam memastikan aduan dapat diselesaikan dengan segera, syarikat konsesi akan melakukan rondaan secara berkala di laluan-laluan hotspot. Kerjasama dari PBT juga diperolehi bagi menyalurkan maklumat dengan cepat dan berkesan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

**YB TUAN MUSZAIDE BIN MAKMOR (SEDILI)
SOALAN 20 (A92)**

Dengan adanya SPNB dan RMMJ, berapa banyakkah yang telah dibina dalam memenuhi permintaan pembinaan rumah pertahunan dan apakah kesediaan SPNB dan RMMJ dalam memenuhi permohonan generasi FELDA terutamanya dalam pemilikan rumah serta berapa banyak lagi jumlah yang boleh dipohon.

JAWAPAN YB DATO' HAJI MOHD. JAFNI BIN MD. SHUKOR

Untuk makluman Yang Berhormat, SPNB menawarkan dua (2) program rumah mampu milik (RMM) bagi golongan B40 dan M40 di seluruh negara iaitu Program Rumah Mesra Rakyat (RMR) dan Program Kediaman SPNB.

Program RMR ini berkonsepkan rumah sesebuah dengan komposisi 3 bilik tidur dan 2 bilik air yang kini berharga RM75,000 di mana RM20,000 disubsidi oleh Kerajaan dan kemudahan pinjaman ditawarkan untuk menampung baki kos tersebut.

Manakala, Program Kediaman SPNB pula adalah projek pembangunan perumahan bercampur di atas tanah kerajaan/agensi Persekutuan/Negeri dan swasta yang terbuka kepada semua golongan terutamanya kepada golongan B40 dan M40 dengan harga jualan tidak melebihi RM300,000 (purata).

Berdasarkan statistik dari tahun 2002 sehingga 31 Oktober 2022, di bawah Program RMR sejumlah 12,569 permohonan telah diluluskan bagi negeri Johor. Daripada jumlah tersebut 6,661 unit telah siap dibina, 637 unit dalam pembinaan dan 20 unit yang dirancang telah selesai tandatangan dokumen perjanjian.

Manakala bagi program Kediaman SPNB di negeri Johor berdasarkan statistik sehingga 31 Oktober 2022 sebanyak 3 projek telah disiapkan melibatkan 1,979 unit dan 1 projek sedang dibina melibatkan 240 unit. Maklumat Kediaman SPNB yang sedang dibuka untuk jualan juga boleh diperolehi daripada laman sesawang SPNB.

Bagi Rumah Mampu Milik Johor pula, berdasarkan rekod Taskforce Perumahan Johor dari tahun 2014 sehingga 2021, sebanyak 28,241 unit Rumah Mampu Milik Johor telah siap dibina. Manakala sehingga Sept 2022, sebanyak 2,578 unit telah siap dibina melebihi KPI yang ditetapkan sebelum ini iaitu 2,459 unit dan dijangka 635 unit lagi akan siap sehingga hujung tahun ini atau awal tahun hadapan.

Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan Negeri menetapkan KPI sehingga tahun 2026 sebanyak 21,139 unit yang akan siap dibina melibatkan 84 projek di Seluruh Negeri Johor termasuk di Daerah-Daerah yang berdekatan dengan Kawasan FELDA.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

Berikut adalah pecahan tahunan RMMJ berdasarkan KPI yang telah ditetapkan :

TAHUN	JUMLAH UNIT
2022	2,459
2023	2,574
2024	5,104
2025	7,554
2026	3,448
JUMLAH	21,139

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

**YB TUAN WONG BOR YANG (SENAI)
SOALAN 21 (A87)**

Sila nyatakan inisiatif kerajaan bagi membantu rumah ibadat bukan Islam untuk mendapatkan tanah kerajaan yang sah, dan diminta berikan statistik bagi jumlah rumah ibadat bukan Islam yang menghadapi isu hak milik tanah setakat ini mengikut daerah.

JAWAPAN YB TUAN LING TIAN SOON

Untuk makluman YB Senai, pihak Pentadbiran Tanah Johor komited dalam membantu penyelesaian tanah bagi Rumah Ibadat Selain Islam (RIBI) khususnya negeri Johor. Selain itu juga, taburan bagi rumah ibadat bukan islam bagi sesuatu kawasan akan diputuskan oleh Unit Pusat Setempat (OSC) pihak berkuasa tempatan mengambil kira taburan penganut di sesebuah kawasan dan sekitar semasa pembangunan kawasan tersebut.

Tambahan juga, permohonan ini juga perlu memenuhi senarai semak dokumen bagi permohonan tanah kerajaan untuk Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI) oleh persatuan/pertubuhan agama bukan islam, mendapat ulasan daripada Jawatankuasa Tindakan Daerah (JKD) serta mendapat ulasan jabatan/agensi teknikal yang berkaitan di mana ianya merupakan salah satu asas pertimbangan bagi sesuatu permohonan.

Secara dasarnya, sehingga 2021 sejumlah 165 permohonan telah diterima dan dibawa pada pertimbangan Pihak Berkuasa Negeri (PBN). Untuk makluman juga, bagi tahun 2022 sahaja, sebanyak 7 permohonan telah dibawa sebagaimana berikut :-

BIL.	PERMOHONAN / PEMOHON	BUTIRAN TANAH
1.	Tapak (Gereja & Tokong) I. Pertubuhan Persaudaraan Kristian Canaan II. Pertubuhan Penganut Dewa Thean Fook Kong Dan Dewa Jada Muniswarar	LOT &: I. PTD 205493 seluas 1,333.356 mp (14,352.11 kp) II. PTD 205496 seluas 1,332.527 mp (14,343.18 kp) MUKIM : Tebrau DAERAH : Johor Bahru LOKASI : Taman Ekoflora
2.	Tapak Perkuburan India Persatuan Penganut Dewa Arulmigu Sri Mayana Kaliammah Alayam Johor Bahru	LOT : PTD 165849 KELUASAN : 8,000.00 mp (86,111 kp) MUKIM : Tebrau DAERAH : Johor Bahru LOKASI : Jalan Kangkar Tebrau
3.	Tapak Tokong	LOT : LOT 18317

UNIT DEWAN,
PEJABAT JURUTULIS DEWAN NEGERI JOHOR
8 DISEMBER 2022 (ina)

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

	Persatuan Penganut Dewa Hup Yik Tuah, Taman Evergreen Heights, Batu Pahat, Johor	KELUASAN : 0.452 hektar (1.116 ekar) MUKIM : Linau DAERAH : Batu Pahat LOKASI : Taman Putera Indah
4.	Tapak Kuil Persatuan Penganut Dewa Sri Durgai Amman, Kluang, Johor	LOT : LOT 31791 KELUASAN : 0.126 hektar (0.311 ekar) MUKIM : Kluang DAERAH : Kluang LOKASI : Kampung Majid Kluang
5.	Tapak Ganti Kuil (Double Track) 1) Pertubuhan Penganut Dewa Sri Maha Kaliyamman 2) Pertubuhan Penganut Dewa Sri Shivalingeswarar	PLOT & PTD 205494 seluas 1,332.523 KELUASAN ASAL mp (14,343.157 kp) PLOT & 1) PTD 209510 seluas KELUASAN BAGI 929 mp (10,000 kp) CADANGAN 2) PTD 209511 seluas PERTAMA 403.479 mp (4,343.157 kp) PLOT & 1) PTD 209512 seluas 929 KELUASAN BAGI mp (10,000 kp) CADANGAN 2) PTD 209513 seluas 929 KEDUA mp (10,000 kp) MUKIM : Tebrau DAERAH : Johor Bahru LOKASI : Taman Ekoflora
6.	Tapak Upacara Terakhir Kematian Kaum India Persatuan Pengurusan Kematian Orang – Orang Hindu Negeri Johor	LOT : PTD 5579 KELUASA : 0.27 hektar (0.66 ekar) N MUKIM : Sungai Tiram DAERAH : Johor Bahru LOKASI : Kawasan Tanjung Langsung
7.	Tapak tambahan Rumah Ibadat Bukan Islam Persatuan Penganut Dewa Kai Cang Sen Wan Johor Bahru	LOT : PTD 237633 KELUASAN : 0.794 Hektar/0,4433 MUKIM : Plentong DAERAH : Johor Bahru LOKASI : Bandar Seri Alam

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAJI SELAMAT BIN TAKIM (SUNGAI BALANG)
SOALAN 22 (A38)**

Saya menyarankan agar kerajaan negeri menaiktaraf fasiliti Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) yang berada dalam kategori mundur dan tidak lengkap, bagi memastikan pelajar dan guru dapat belajar dan mengajar dalam suasana kondusif dan penyampaian silibus yang lebih berkesan.

JAWAPAN YB TUAN MOHD FARED BIN MOHD KHALID

Untuk makluman Yang Berhormat, Sekolah Agama Kerajaan Johor (SAKJ) bukanlah berada dalam kategori mundur seperti yang diperkatakan. Adapun hanya sekolah yang mengalami kerosakan, iaitu Sekolah Agama Sungai Balang, tetapi sekolah ini telah dibaik pulih dengan sewajarnya. Namun demikian, kerajaan sedar bahawa banyak yang perlu dilakukan untuk menaiktaraf fasiliti di Sekolah Agama Kerajaan Johor bagi membolehkan anak-anak di negeri ini dapat belajar agama dengan selesa dalam suasana yang kondusif. Kerajaan Negeri sentiasa memberi komitmen terbaik dengan memperuntukkan sejumlah wang untuk tujuan baikpulihan dan penyelenggaraan sekolah-sekolah agama. Untuk makluman yang terhormat, sebanyak RM2,885,487.00 telah dibelanjakan bagi tahun 2022 untuk tujuan baik pulih SAKJ seluruh negeri Johor berdasarkan permohonan pada tahun 2021. Jumlah ini sebenarnya masih belum mencukupi untuk menampung perbelanjaan keseluruhan permohonan. Pihak Jabatan terpaksa mengutamakan kerja-kerja yang kritikal berikutan kekangan kewangan. Keseluruhan pembelanjaan berikut adalah seperti dalam Lampiran A.

Majlis Agama Islam Negeri Johor (MAINJ) juga turut menunjukkan komitmen membantu menaiktaraf fasiliti di SAKJ. Pada tahun ini, MAINJ memperuntukkan sebanyak RM1 juta untuk kerja-kerja baikpulihan SAKJ. Sebanyak RM 463 070 telah dibelanjakan setakat ni dan bakinya akan dibelanjakan dalam masa terdekat untuk kerja-kerja baikpulihan bagi sekolah-sekolah yang telah disenaraikan. Keseluruhan wang yang telah dibelanjakan adalah seperti di dalam Lampiran B.

Saban tahun juga, peruntukan khusus disalurkan oleh MAINJ bagi menyediakan kemudahan yang mencukupi, khususnya untuk pembelian perabot bagi kegunaan murid-murid dan guru-guru. Untuk pengetahuan Dewan yang mulia ini, bagi tahun 2021 dan 2022, sejumlah RM996,240.50 telah diperuntukkan oleh MAINJ untuk tujuan ini. Dengan peruntukan itu, Jabatan memutuskan untuk membuat pembelian kemudahan-kemudahan berikut berdasarkan permohonan sekolah-sekolah;

1. Meja murid sebanyak 1324 buah
2. Meja guru sebanyak 2268 buah

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

3. Kerusi guru sebanyak 731 buah

Pembelian perabot ini bagi menggantikan perabot yang telah lama dan uzur. Namun demikian, proses penghantaran masih berjalan dan akan diselesaikan sehingga hujung bulan Disember 2022.

Sekolah-Sekolah Agama Negeri Johor menerima beberapa sumber peruntukan dalam pelbagai bentuk. Keseluruhan peruntukan yang diterima dalam pelbagai bentuk bagi tahun 2022 adalah seperti yang berikut:

No	Sumber Peruntukan	Bentuk Peruntukan	Nilai Peruntukan (RM)
1	MAINJ	Bantuan Badan Kebajikan sekolah	1,936,000.00
2	MAINJ	Kontrak perkhidmatan kebersihan bangunan dan kawasan sekolah agama kerajaan negeri johor bagi gred A dan B	2,500,000.00
3	Kerajaan Negeri Johor		4,000,000.00
3	MAINJ	Sumbangan kos kebersihan sekolah Gred C (Sekolah Bangunan Sendiri)	1,398,400.00
4	MAINJ	Pembelian Perabot sekolah	996,240.50
5	Pejabat Menteri Besar	Bantuan Bilik Guru (RM5000 Setiap sekolah)	8,875,000.00
6	Kerajaan Negeri	Bantuan baikpulih dan penyelenggaraan sekolah (Berdasarkan permohonan)	2,885,487.00
7	MAINJ	Bantuan baikpulih dan penyelenggaraan sekolah	1,000,000.00
JUMLAH			23,591,127.50

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

LAMPIRAN A

BIL	PERIHAL KERJA (SENARAI PROJEK / PROGRAM)	PERUNTUKAN
1	Kerja mengecat bangunan luar dan pendawaian semula elektrik Sekolah Agama Kundang Ulu, Tangkak	RM 85,314.00
2	Kerja mengecat dinding kelas dan tembok pagar serta kerja berkaitan di Sekolah Agama Taman Cempaka, Johor Bahru sempena lawatan YAB Menteri Besar Johor	RM 19,850.00
3	Kerja menyelenggara pagar serta kerja-kerja berkaitan di Sekolah Agama Kg Sawah Ring, Bukit Gambir, Tangkak	RM 43,064.00
4	Kerja menyelenggara bumbung, ram laras dan pagar serta kerja-kerja berkaitan di Sekolah Agama Rawang, Tangkak	RM 35,197.20
5	Kerja menyelenggara bumbung Sekolah Agama Sengkang Bukit Gambir, Tangkak, Johor	RM 94,982.40
6	Kerja baikpulih bumbung dan kerja berkaitan di Sekolah Agama Felda Air Tawar 1, Kota Tinggi	RM 99,996.00
7	Kerja-kerja baikpulih kaki lima bangunan, longkang dan tandas serta kerja berkaitan di Sekolah Agama Serkat, Pontian	RM 50,100.00
8	Kerja-kerja baikpulih kaki lima bangunan, longkang dantangi air serta kerja berkaitan di Sekolah Agama Al-Ulum Pontian	RM 110,540.00

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

9	Kerja-kerja baikpulih kaki lima bangunan, longkang serta kerja berkaitan di Sekolah Agama Tanjung Ayer Hitam Pontian	RM 19,700.00
10	Kerja-kerja menyelenggara bumbung, bangunan sekolah dan surau serta kerja berkaitan di Sekolah Agama Gelang Patah	RM 98,450.00
11	Kerja-kerja menyelenggara bumbung bocor dan membaiki salur air, dewan serta kerja berkaitan di Sekolah Agama Kg Melayu Pandan, Johor Bahru	RM 95,400.00
12	Kerja-kerja membaiki kebocoran bumbung, mengecat keseluruhan bangunan serta kerja berkaitan di Sekolah Agama Tambatan Tinggi, Johor Bahru	RM 96,730.00
13	Kerja menyelenggara Balai Menunggu, siling dan tingkap kelas serta kerja berkaitan di Sekolah Agama Seri Bahagia Felda Taib Andak, Kulai	RM 98,830.00
14	Kerja menyelenggara tapak tangki air, menggantikan pintu bilik darjah dan kerja berkaitan di Sekolah Agama Murni Jaya, Kulai	RM 89,250.00
15	Kerja memasang pagar dan menyelenggara surau serta Kerja-kerja berkaitan di Sekolah Agama Lenga, Muar	RM 95,960.00
16	Kerja menyelenggara tembok penahan dan memasang longkang serta kerja berkaitan di Sekolah Agama Liang Batu, Pagoh, Muar	RM 283,945.00
17	Kerja menyelenggara susur gajah dan kerja berkaitan di Sekolah Agama Batu 28, Lenga, Muar	RM 19,930.00

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

18	Kerja-kerja pendawaian semula dan kerja berkaitan di Sekolah Agama Kahang Batu 28, Kluang	RM 99,923.00
19	Kerja-kerja membaik pulih bumbung dan kerja berkaitan di Sekolah Agama Kg Melayu Chamek, Kluang	RM 99,985.00
20	Kerja-kerja membaik pulih longkang keliling dan kerja berkaitan di Sekolah Agama Kg Tengah 2, Kluang	RM 99,800.00
21	Kerja-kerja membaik pulih Longkang, Kaki Lima , Tandas Serta Kerja Berkaitan Sekolah Agama Seri Molek, Batu Pahat	RM 92,530.00
22	Kerja-kerja mengecat di Sekolah Agama Seri Teluk, Batu Pahat	RM 99,900.00
23	Kerja-kerja membaik pulih tandas dan membaiki kebocoran di Sekolah Agama Seri Belahan, Batu Pahat	RM 93,900.00
24	Kerja-kerja membaik pulih tandas dan bumbung pagar dan kerja berkaitan di Sekolah Agama Temu Jodoh, Segamat	RM 99,980.00
25	Kerja-kerja membaik pulih tandas dan bilik darjah dan kerja berkaitan di Sekolah Agama Bandar Segamat	RM 99,988.00
26	Kerja-kerja membaik pulih Lantai Bilik Darjah, Lantai Tandas, Tempat Wuduk Serta Kerja berkaitan Sekolah Agama Bukit Siput Segamat	RM 99,890.00
27	Kerja-kerja membaik pulih tandas, mengecat dan kerja berkaitan di Sekolah Agama Tenglu, Mersing	RM 99,800.00

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

28	Kerja-kerja membaik pulih bumbung, dan kerja berkaitan di Sekolah Agama Tenggaroh 2, Mersing	RM 99,932.00
29	Kerja-kerja membaik pulih bumbung dan kerja berkaitan di Sekolah Agama Semanyir, Mersing	RM 92,881.00
30	Kerja Membina Dan Menyiapkan Tembok Penahan Serta Kerja Berkaitan Di Sekolah Agama Felda Air Tawar 2 Kota Tinggi	RM 250,000.00
31	Kerja Menyelenggara Tangki Air Dan Kerja Menyelenggara Lantai Bilik Sumber Sekolah Agama Felda Sri Jaya Tangkak	RM 19,740.00
JUMLAH		RM 2,885,487.60

LAMPIRAN B

NO	NAMA SEKOLAH	SKOP KERJA	HARGA TAWARAN
1	SEKOLAH AGAMA BANDAR BATU PAHAT	KERJA-KERJA BAIK PULIH STRUKTUR BUMBUNG DAN KERJA BERKAITAN DI SEKOLAH AGAMA BANDAR BATU PAHAT	RM 278,070.00
2	SEKOLAH MENENGAH AGAMA SHAMSUDDINIAH, TANGKAK	KERJA-KERJA MENYELENGGARA DAN MENURAP SEMULA JALAN DAN HALAMAN KAWASAN SEKOLAH MENENGAH AGAMA SHAMSUDDINIAH TANGKAK, JOHOR	RM 185,000.00
JUMLAH			RM 463,070.00

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

**YB DATUK MOHAMAD NAJIB BIN SAMURI (PARIT YAANI)
SOALAN 23 (A18)**

Apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Negeri Johor melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) mengenai aduan yang telah di majukan kepada SKMM mengenai mutu liputan yang sangat rendah di kawasan DUN Parit Yaani?

JAWAPAN YB CIK NORLIZAH BINTI NOH

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) Fasa 1 yang kini sedang dilaksanakan secara berfasa telah dibangunkan oleh kerajaan dengan kerjasama pihak industri bertujuan meningkatkan tahap kesalinghubungan serta kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh Malaysia termasuklah di DUN Parit Yaani.

Inisiatif JENDELA Fasa 1 bagi DUN Parit Yaani, merangkumi pembinaan 3 buah menara pemancar 4G baharu, penaiktarafan 60 stesen pemancar kepada teknologi 4G, serta penyediaan sambungan gentian optik kepada 7,617 premis yang dijangka siap sepenuhnya selewat-lewatnya suku keempat (4) tahun 2023.

Perkembangan semasa pelaksanaan JENDELA Fasa 1 sehingga suku ketiga tahun 2022 di DUN Parit Yaani adalah seperti berikut:

Inisiatif	Tapak Menara Baharu		Naik Taraf Stesen Pemancar		Ketersediaan Sambungan Gentian Optik (Premis)		Jalur Lebar Satelit	
	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap	Perancangan	Siap
DUN PARIT YAANI	3	1	60	59	7,617	0	-	-

Dimaklumkan juga, lokasi bagi pembinaan tiga (3) buah menara baharu adalah seperti berikut:

Bil.	Lokasi	Status
1.	Bandar Putera Indah	Beroperasi (Digi)
2.	Kg. Parit Senah	Dalam Pelaksanaan
3.	Kg. Parit Jambi	Dalam Pelaksanaan

Usaha penambahbaikan liputan dan rangkaian adalah merupakan satu usaha yang berterusan oleh kerajaan agar kualiti pengalaman oleh pengguna sentiasa diperbaiki

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

dari semasa ke semasa. Fasa 2 JENDELA seterusnya akan memberi tumpuan untuk merapatkan jurang digital yang tidak tercapai ketika Fasa 1.

Maklumbalas daripada orang awam bagi kawasan secara spesifik yang masih mempunyai masalah perkhidmatan adalah amat dialu-alukan bagi membolehkan tindakan selanjutnya diambil. Sebarang aduan yang berkaitan kualiti perkhidmatan dan rangkaian telekomunikasi boleh disalurkan terus kepada portal aduan MCMC menerusi pautan laman web <http://jendela.my/> atau <https://aduan.skmm.gov.my>.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 24 (A79)

Minta dinyatakan apakah langkah-langkah utama bagi meningkatkan hasil Kerajaan Negeri dan mengurangkan defisit Kerajaan Negeri.

YB DATO' IR. HASNI BIN MOHAMMAD (BENUT)
SOALAN 25 (A81)

Minta dinyatakan apakah sumber-sumber pendapatan baharu negeri yang telah dirintis Kerajaan Negeri bagi menampung tuntutan fiskal pada masa mendatang.

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI
(Jawapan bersekali untuk soalan A79 & A81)

Terima kasih **Yang Berhormat Benut** di atas soalan yang dikemukakan.

Izinkan saya untuk menjawab soalan berkaitan:

- i. Langkah-langkah utama bagi meningkatkan hasil kerajaan negeri dan mengurangkan defisit kerajaan negeri.
- ii. Apakah sumber-sumber pendapatan baharu negeri yang telah dirintis kerajaan negeri bagi menampung tuntutan fiskal pada masa akan datang.

Saya mohon untuk menjawabnya secara bersekali.

LANGKAH MENINGKATKAN HASIL KERAJAAN NEGERI

Untuk makluman dewan yang mulia, pada tahun 2023 Kerajaan Negeri Johor menyasarkan pungutan hasil sebanyak RM1,734.18 juta iaitu peningkatan sebanyak RM62.6 juta atau 3.7 peratus berbanding tahun 2022.

Berdasarkan anggaran tersebut, sebanyak RM836.48 juta disumbangkan menerusi cukai langsung manakala RM24.53 juta melalui cukai tidak langsung. Sebahagian besar atau sekitar 90 peratus daripada hasil cukai yang dikutip ini datang dari sumber cukai tanah.

Menyedari situasi di mana perbelanjaan negeri semakin meningkat saban tahun, maka terdapat keperluan untuk kerajaan negeri mencari kaedah lain bagi meningkatkan hasil.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

SUMBER PENDAPATAN BAHARU NEGERI

Kerajaan Negeri perlu melaksanakan langkah berstruktur dan mampan untuk mengemblend segala sumber yang ada agar hasil kerajaan negeri dapat ditingkatkan.

Antara langkah proaktif yang dilaksanakan adalah melalui pendigitalan sistem pentadbiran kerajaan, khususnya yang melibatkan urusan pembayaran. Kerajaan Negeri telah menyediakan satu platform bayaran bersepadu secara atas talian yang dikenali sebagai JOHORPAY bermula pada 21 Oktober 2021.

Bayaran cukai tanah menjadi perintis kepada pembayaran secara atas talian ini yang seterusnya diperluaskan kepada bayaran bukan cukai tanah, bayaran lesen halal serta bayaran cukai harta di bawah Pihak Berkuasa Tempatan.

Kerajaan negeri juga akan terus memperhebatkan lagi pelaksanaan bayaran secara atas talian ini dengan melibatkan semua jabatan negeri, Badan Berkanun serta agensi-agensi berkaitan.

Kerajaan Negeri juga akan terus meneroka pelbagai pilihan untuk meningkatkan hasil pendapatan negeri.

Antaranya adalah dengan melaksanakan kajian bagi cadangan jualan tanah secara jualan terus atau tender bagi tanah-tanah kerajaan yang berpotensi dan mempunyai nilai komersil yang memberi impak kepada kawasan sekitar jika ia dibangunkan.

Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan kajian bagi melaksanakan pajakan tanah rizab bagi memperkasakan hasil negeri serta membantu menyelesaikan isu penyelenggaraan rizab.

Selain itu, langkah-langkah lain turut diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri bagi meningkatkan hasil adalah melalui semakan semula kadar-kadar bayaran Cukai Hiburan. Ini dapat dilakukan dengan mewujudkan Kaedah-Kaedah Hiburan Negeri Johor, menggunakan kadar yang bersesuaian dengan keadaan semasa serta semakan terhadap kadar fi atau caj-caj di bawah pentadbiran tanah, seperti kadar Lesen Pendudukan Sementara (LPS) dan sebagainya.

Meskipun Belanjawan 2023 diunjurkan sebagai belanjawan surplus, namun Kerajaan Negeri perlu melaksanakan belanjawan berhemah dengan berbelanja secara optimum dan efektif.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

Strategi pengurusan kewangan yang berkesan adalah penting untuk dipraktikkan melalui kawalan perbelanjaan berdasarkan kemampuan kewangan bagi memastikan kedudukan kewangan negeri kukuh serta stabil.

Semakan dan kawalan fiskal juga perlu dilaksanakan terhadap perbelanjaan mengurus serta pembangunan. Keutamaan harus diberikan kepada perbelanjaan yang benar-benar perlu dan yang paling penting dapat memberi impak kepada ekonomi serta rakyat.

Bagi mengurangkan jurang defisit, beberapa langkah dikenalpasti untuk dilaksanakan. Antaranya adalah seperti berikut:-

- i. Program / projek di setiap jabatan perlu distruktur semula kepada yang benar-benar perlu dan mendesak sahaja serta bersifat "*people centric*";
- ii. Sentiasa mengamalkan konsep "*value for money*" dalam melaksanakan perolehan kerajaan seperti bekalan, perkhidmatan dan kerja-kerja dan hendaklah dibuat secara cekap dan terurus; dan
- iii. Perbendaharaan Negeri Johor akan membuat kajian bagi memperkenalkan kaedah baharu terhadap perolehan aset-aset kerajaan yang baharu termasuklah kenderaan jabatan dan harta modal, iaitu dengan mencadangkan kaedah sewaan digunakan berbanding pembelian yang mungkin akan menjimatkan perbelanjaan penyelenggaraan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

**YB DATO' JEFRIDIN BIN ATAN (KUKUP)
SOALAN 26 (A98)**

Apakah bentuk pelan keselamatan yang telah dirangka oleh kerajaan negeri mengenai kawasan perindustrian di Tanjung Bin Power sekiranya berlaku perkara yang tidak diingini seperti kebakaran dan letupan seperti yang berlaku di Pengerang dan Pasir Gudang.

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman Yang Berhormat Kukup, Kerajaan Negeri telah mengarahkan pihak industri di Tanjung Bin untuk merangka satu pelan keselamatan bagi menghadapi sebarang bencana di dalam kawasan perindustrian Tanjung Bin. Pihak industri juga diminta untuk melibatkan dan bekerjasama dengan komuniti setempat seperti di Mukim Serkat, dengan mengadakan inisiatif *Community Response Training* bagi memastikan warga kerja dan penduduk setempat lebih bersedia bagi menghadapi sebarang kemungkinan seperti kebakaran dan letupan.

Community Based Disaster Risk Management (CBDRM) Kg Sg Chengkeh telah diadakan pada 14 & 18 Julai 2022 di Balai Raya Kg Sg Chengkeh, Serkat yang melibatkan pelbagai agensi berikut:-

- i. Pejabat Daerah Pontian
- ii. Pejabat Kesihatan Daerah Pontian
- iii. Bomba Pontian
- iv. Jabatan Alam Sekitar Johor
- v. Penghulu Mukim Serkat
- vi. Ketua Kampung Kawasan 1 (Sg Chengkeh, Sg Dinar)
- vii. Tanjung Bin Power Plant
- viii. ATT Tg Bin (ATB)

Pihak industri (Tanjung Bin Power Plant) turut mengambil langkah-langkah berikut bagi menghadapi sebarang kemungkinan bencana termasuk: -

- i. Mengadakan Emergency Response Team (ERT) secara sepenuh masa di loji janakuasa.
- ii. Mengadakan latihan keselamatan secara berkala bersama pihak industri dan komuniti setempat.
- iii. Menyediakan kemudahan dan keperluan asas sekiranya berlaku kebakaran atau bencana di loji serta kawasan setempat.
- iv. Memberikan penerangan dan taklimat berkala keselamatan kepada semua pihak berkepentingan di Mukim Serkat.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

Latihan berkala telah dilaksanakan oleh pihak Tanjung Bin Power Plant yang melibatkan agensi berkaitan termasuk ATB, PTP, Jabatan Alam Sekitar (DOE), Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH), Jabatan Marin dan Persatuan Nelayan.

Kejadian bencana ditafsirkan di bawah Arahan No. 20 berkaitan Dasar dan Mekanisme Pengurusan Bencana Negara yang dikeluarkan oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Perdana Menteri. Arahan ini menggariskan mekanisme pengurusan bencana secara menyeluruh termasuk kebakaran dan letupan meliputi peringkat sebelum, semasa dan selepas berlakunya sesuatu kejadian bencana tersebut.

Ia juga menggariskan peranan dan tanggungjawab setiap agensi yang terlibat supaya pengurusan bencana dapat dikendalikan secara bersepadu di setiap peringkat dengan lebih efisien dan efektif. Arahan ini dikeluarkan bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya sebarang pembaziran, kekeliruan, konflik dan percanggahan atau pertindihan peranan semasa menangani bencana.

Selain itu, pihak Syarikat ATB yang beroperasi di Kawasan Perindustrian Tanjung Bin juga telah menyediakan Pelan Tindakan Kecemasan dan Sistem Pengurusan HSE (HSE-MS) mengikut piawaian tempatan dan antarabangsa. Pelan ini diuji secara berkala dari semasa ke semasa bersama pihak-pihak yang terlibat melibatkan kerjasama bersama pihak Bomba, Polis, Jabatan Kesihatan dan Jabatan Alam Sekitar mengikut senario yang telah dikenal pasti.

Selain daripada pelan ERP dan HSE-MS, pihak syarikat sentiasa menyediakan sistem dan peralatan keselamatan, kesihatan dan kecemasan yang lengkap seperti jentera bomba, peralatan menentang kebakaran dan sistem pengesanan haba, gas dan bahan-bahan toksik.

Walau bagaimanapun, perlu diakui bahawa jarak perjalanan dari balai bomba berhampiran untuk ke Kawasan Perindustrian Tanjung Bin adalah agak jauh iaitu melebihi 30 minit perjalanan pada satu-satu masa dan memungkinkan untuk diadakan sebuah Balai Bomba & Penyelamat yang lebih hampir.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

**YB TUAN HAJI ABDUL AZIZ BIN TALIB (MAHARANI)
SOALAN 27 (A158)**

Johor mencatatkan pelaburan paling tinggi dalam negara bagi tempoh Januari sehingga Jun tahun ini iaitu sebanyak RM60.9 bilion. Sejauh manakah pelaburan berteknologi tinggi dan berkualiti dapat ditarik di Daerah Muar selaras dengan visi Maju Johor 2030?

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Untuk makluman Yang Berhormat Maharani, berdasarkan Pelan Pembangunan Mampan Johor 2030, Muar terletak di Wilayah Utara bersama Tangkak dan Segamat. Pelaksanaan projek-projek pemangkin ekonomi di daerah Muar memberi tumpuan terhadap bidang Pendidikan Tinggi dan Penyelidikan, Pembuatan Perabot serta Elektrik dan Elektronik.

Kerajaan negeri juga sentiasa memastikan setiap daerah menerima limpahan ekonomi yang seimbang. Bagi memastikan industri berteknologi tinggi tidak hanya tertumpu di Johor Selatan, Pagoh Special Economic Zone (PSEZ) adalah inisiatif kerajaan dalam memastikan bahagian lain di negeri Johor tidak ketinggalan terutamanya dalam industri berteknologi tinggi.

Kawasan tumpuan pembangunan ini merangkumi kawasan dalam radius 40 kilometer (berkeluasan 5,000 kilometer persegi) termasuk Pagoh, Tangkak, Muar, Batu Pahat dan Segamat.

PSEZ ialah Special Economic Zone yang memberi fokus kemajuan teknologi termasuk revolusi industri 4.0 (IR4.0). Selain itu Maharani Gateway juga boleh menjadi projek baru di daerah Muar, di mana ianya menjadi pemangkin kepada pelaburan yang berkualiti di daerah ini sekiranya dilaksanakan.

Tumpuan utama akan diberikan kepada sektor dan inisiatif yang membantu ke arah pembangunan yang mampan, mewujudkan pusat pertumbuhan sosio ekonomi yang berdaya tahan, kesinambungan kehidupan serta bisnes dan pengurusan dan pentadbiran kawasan pembangunan yang cekap & efektif.

Fokus juga adalah kepada trend baharu IR 4.0, digitalisasi e-commerce, automasi pengeluaran & penghasilan makanan yang stabil dan berkesan, mentransformasikan sektor pertanian & penggunaan teknologi hijau dan pengukuhan sistem logistik dan jaringan pembekalan.

**SOALAN-SOALAN LISAN YANG TIDAK HABIS DIJAWAB
DI PERSIDANGAN DEWAN NEGERI JOHOR
PADA HARI KHAMIS, 8 DISEMBER 2022**

**YB TUAN CHEN KAH ENG (STULANG)
SOALAN 28 (A26)**

Bagaimanakah Kerajaan Johor akan bekerjasama dengan Kerajaan Persekutuan yang baru selepas PRU15 untuk memajukan Johor?

JAWAPAN YAB DATUK ONN HAFIZ BIN GHAZI

Seperti yang kita sedia maklum, kemelut pemilihan kepimpinan negara selepas Pilihan Raya Umum yang ke-15 disebabkan tiada blok gabungan parti yang memperolehi majoriti, sudah pun diselesaikan dengan penuh hemah dan bijaksana. Saya percaya dalam apa jua keadaan, tidak kira siapa yang memerintah, kemajuan pembangunan dan keperluan semua negeri perlu diutamakan.

Kepimpinan negeri akan terus melakukan libat urus bersama Kerajaan Persekutuan tanpa mengira ideologi politik, termasuk bersama kementerian-kementerian berkaitan terutama yang melibatkan kepentingan dan senarai projek berkeutamaan tinggi bagi negeri.

Apa yang lebih penting juga, keputusan pemilihan pemimpin negara ini diharapkan dapat mewujudkan kestabilan politik kerana kita telah menyaksikan sebelum ini dimana ketidakstabilan telah menyebabkan pemulihan ekonomi sedikit terencat dan pelaburan berpotensi tinggi telah mula berpindah ke negara lain seperti Indonesia. Hanya dengan pewujudan politik yang stabil ini akan membolehkan ekonomi dipulihkan dengan kadar segera demi memperkasa kesejahteraan rakyat.